



1 November 2011 (Selasa)  
Laporan Ketua Audit Negara 2010  
Audit: Kaji komen dalam akhbar dikaji

KUALA LUMPUR 1 Nov. - Semua pendapat dan komen berkaitan Laporan Ketua Audit Negara 2010 yang disiarkan akhbar akan diteliti, kata Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang. "Saya sedang kaji semua komen-komen (penjelasan kementerian dan agensi) yang disiarkan dalam akhbar. "Jadi buat masa ini saya tidak mahu mengulas lanjut," katanya kepada Utusan Malaysia ketika dihubungi di sini hari ini. **Laporan Ketua Audit Negara 2010** baru-baru ini menyenaraikan sembilan kementerian dan jabatan berbelanja RM3.73 bilion melebihi peruntukan yang diluluskan. Antara kementerian itu Kementerian Pelajaran, Kementerian Kesihatan, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Pertahanan, Jabatan Perkhidmatan Awam dan Jabatan Peguam Negara. Berikut itu beberapa kementerian dan agensi terlibat telah tampil membuat penjelasan.



3 November 2011 (Khamis)  
Perjanjian bina loji kumbahan pertama bawah tanah RM983j

KUALA LUMPUR 3 Nov. – Kerajaan Malaysia dan Beijing Enterprises Water Group Ltd (BEWG) hari ini memeterai perjanjian bagi pembinaan Loji Rawatan Kumbahan Pantai 2 bernilai RM983 juta, loji rawatan kumbahan bawah tanah negara yang pertama. Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Peter Chin Fah Kui berkata, projek itu diberikan kepada Beijing Enterprises bagi asas reka bentuk dan bina susulan permeterian memorandum persefahaman bagi kerjasama dalam industri perkhidmatan kumbahan di sini, pada 11 November, 2009. Peter berkata, loji kumbahan baharu itu dengan penggunaan teknologi hijau akan mempunyai kapasiti bersamaan 1.423 juta penduduk (P.E) atau sama dengan 320,000 meter padu sehari. Ia akan menyediakan kepada keperluan rawatan kumbahan 1.8 juta penduduk di Lembah Klang sehingga tahun 2035. Beliau juga berkata, kerajaan akan menutup lebih 100 loji kumbahan kecil menjelang 2020 kerana kos operasi loji-loji ini tinggi. "Kos operasi loji kecil adalah tinggi. Loji kumbahan Pantai 2 dijangka mengurangkan kos operasi sebanyak 20-30 peratus," katanya kepada pemberita di majlis permeterian perjanjian itu di sini, hari ini. Kawasan tadahan Pantai 2 merangkumi tempat seperti Bandar Baru Sentul, daerah perniagaan Kuala Lumpur, Bangsar, kawasan rekreasi Bukit Kiara, Seputeh, Kerinci dan Jalan Klang Lama. – Bernama.



3 November 2011 (Khamis)  
Hutang Alwafeer Air RM58.5j

KUALA LUMPUR 3 Nov. - Datuk Seri Najib Tun Razak memberitahu Alwafeer Air (Alwafeer) masih mempunyai tunggakan sewa kepada Penerbangan Malaysia Bhd., (PMB) berjumlah AS\$19.5 juta atau RM58.5 juta sehingga 31 Ogos lalu. Kata Perdana Menteri, PMB dan Malaysia Airlines System Bhd., (MAS) telah pun menghantar notis tuntutan kepada Alwafeer dan kini dalam proses menamatkan kontrak pajakan tersebut. "Tarikh terakhir Alwafeer membuat pembayaran sewa bagi ketiga-tiga pesawat yang dipajak adalah pada 11 November 2010. "Bagaimanapun, ketiga-tiga pesawat tersebut kini berada dalam simpanan PMB," katanya dalam jawapan bertulis kepada soalan **Wee Choo Keong (Bebas-Wangsa Maju)** pada sidang Dewan Rakyat di sini hari ini. Choo Keong antara lain meminta Najib menjelaskan tarikh akhir sewaan yang akan dibayar oleh Alwafeer bagi setiap pesawat yang disewa dan jumlah bayaran sewa yang tertunggak oleh syarikat penerbangan itu kepada PMB dan MAS. Choo Keong juga mahukan penjelasan apakah usaha yang diambil oleh PMB dan MAS sebelum memasuki rundingan untuk pajakan tiga buah jet kepada Alwafeer dan adakah kesemua tiga perjanjian pajakan itu dilaksanakan serta-merta. Menurut Najib, PMB dan MAS telah melaksanakan kajian terperinci merangkumi aspek perundungan dan pelan perniagaan sebelum tiga buah pesawat miliknya dipajak kepada Alwafeer. Kata beliau, kajian yang dilaksanakan di peringkat dalaman syarikat itu memberi peluang kepada MAS dan PMB meraih pendapatan melalui pajakan tiga buah pesawat yang merupakan lebih daripada keperluan sebenar MAS. "Selain itu, MAS mendapat perolehan sampingan dalam bentuk perkhidmatan kejuruteraan yang ditawarkan serta dapat memaksimumkan penggunaan alat ganti dan kakitangannya. "MAS dan PMB juga telah menerima sejumlah RM79.35 juta dalam bentuk tunai daripada Alwafeer bagi pajakan tersebut," katanya. Najib menjelaskan, perjanjian pajakan bagi tiga buah pesawat itu telah ditandatangani masing-masing pada 16 Ogos, 20 Oktober dan 2 November 2009 manakala penyerahan pesawat kepada Alwafeer dibuat pada 18 Ogos, 21 Oktober dan 2 November tahun sama. "Ketiga-tiga perjanjian tersebut akan tamat pada ulang tahun keenam perjanjian iaitu pada 2015," katanya.



4 November 2011 (Jumaat)  
Sebahagian laporan audit salah faham - Awang Adek

BACHOK 4 Nov. — Sebahagian laporan yang dibentangkan Ketua Audit Negara mengenai perbelanjaan berlebihan oleh beberapa kementerian berpunca daripada salah faham. Timbalan Menteri Kewangan Datuk Dr Awang Adek Hussin berkata kerajaan telah meminta kementerian terbabit membuat ulasan agar rakyat tidak keliru. "Laporan audit itu dibuat tanpa (meminta) ulasan daripada pihak kementerian terbabit," katanya kepada pemberita pada majlis khatham al-Quran Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) Bachok di Sekolah Kebangsaan Bachok hari ini. Seramai 32 murid menyertai majlis itu yang dianjurkan dengan kerjasama Pejabat Kesihatan Bachok. Beliau mengulas laporan Ketua Audit Negara Tan Sri Amrin Buang, yang antara lain, menyatakan terdapat tujuh kementerian termasuk Kementerian Pelajaran serta Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah lebih berbelanja peruntukan operasi dengan jumlah RM3.73 bilion. Awang Adek, yang juga Timbalan Pengurus Badan Perhubungan Umno Kelantan, berkata sesetengahnya mempunyai sebab munasabah seperti Pusat Giat Mara yang mengadakan kursus untuk penduduk kampung dengan menempah sebuah hotel, namun kerana tidak cukup penyertaan, mengisinya dengan orang lain bagi mengelakkan kerugian. "Benda macam ini kena ada penjelasan sebagaimana yang dibuat oleh Timbalan Menteri Pelajaran Dr Mohd Puad Zarkashi, sebab kadang-kadang pihak audit negara memberi tumpuan pada matlamat asalnya," katanya. Bagaimanapun, beliau tidak menafikan terdapat kesilapan dan kelemahan di beberapa kementerian, dan perkara itu akan diberi perhatian oleh kementeriannya. Awang Adek berkata Menteri Kewangan akan bermesyuarat dengan kementerian terbabit bagi memastikan kelemahan serta kesilapan itu dapat diperbetulkan agar tidak berulang pada masa depan. — Bernama.



5 November 2011 (Sabtu)  
PAC Perak mahu penjelasan isu teroka hutan

IPOH 5 Nov. — Jawatankuasa Kira-Kira Wang (PAC) Perak akan mendapatkan penjelasan Jabatan Perhutanan Negeri Perak berhubung isu penerokaan dan pencerobohan haram hutan-hutan simpan, kata Pengurusnya, Datuk Seri Raja Ahmad Zainuddin Raja Omar. Beliau berkata, penjelasan tersebut akan merangkumi seluruh kawasan hutan negeri dan tidak sahaja memfokuskan soal pencerobohan Hutan Simpan Chikus yang dilaporkan media baru-baru ini. "Kita akan meminta penjelasan daripada Jabatan Perhutanan mengenai punca masalah ini...adakah berpunca akibat kecuaian ataupun kekurangan kakitangan jabatan menyebabkan berlakunya penerokaan haram. "PAC juga mahu mendengar bentuk tindakan yang akan diambil bagi mengelak perkara ini berulang dan menyebabkan kerugian kepada negeri," katanya kepada pemberita di sini hari ini. Raja Ahmad Zainuddin yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Kubu Gajah berkata, pihaknya akan mendapatkan jumlah sebenar kawasan hutan simpan di negeri ini dan statistik kawasan yang diteroka secara haram serta maklumat peneroka sama ada individu ataupun syarikat. Menurut beliau, pencerobohan dan penerokaan hutan simpan adalah isu serius kerana implikasinya bukan sahaja merugikan sumber hasil negeri tetapi menimbulkan kesan negatif terhadap alam sekitar. Tambahnya, PAC juga ingin mendapatkan penjelasan berhubung isu penerokaan Hutan Simpan Chikus yang dikatakan telah diteroka sejak 20 tahun lalu dan tiada tindakan undang-undang diambil. — Bernama.



6 November 2011 (Ahad)  
Laporan Ketua Audit: KKM berusaha baiki kelemahan

KUALA LUMPUR 6 Nov. — Kementerian Kesihatan Malaysia hari ini mengemukakan cadangan penambahbaikan berhubung tujuh isu pengauditan yang ditegur di dalam Laporan Ketua Audit Negara 2010. Ketua Setiausaha, Datuk Kamarul Zaman Md. Isa berkata, usaha membaiki dan memperhalusi punca kelemahan sedang dan akan dilakukan bagi memastikan kesalahan sama tidak berulang. "Berdasarkan Laporan Ketua Audit Negara 2010, terdapat tujuh isu pengauditan berkenaan aktiviti-aktiviti kementerian ini telah dibangkitkan. "Setiap permasalahan telah dikenal pasti dan kementerian telah mengemukakan tindakan untuk mengatasi masalah," katanya melalui kenyataan di sini. **Laporan Ketua Audit Negara 2010** baru-baru ini menyenaraikan sembilan kementerian dan jabatan yang berbelanja RM3.73 bilion melebihi peruntukan yang diluluskan. Selain Kementerian Kesihatan, kementerian lain termasuk Kementerian Pelajaran, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Pertahanan, Jabatan Perkhidmatan Awam dan Jabatan Peguam Negara turut terlibat dalam lebihan perbelanjaan tersebut. Kamarul Zaman berkata, tujuh isu pengauditan aktiviti kementerian yang dibangkitkan di dalam laporan tersebut adalah prestasi pengurusan kuarters; pengurusan aktiviti rehabilitasi; pembinaan kilinik desa dan dua unit kuarters kelas G dan pembangunan semula Hospital Queen Elizabeth, Sabah.

Selain itu, katanya, perolehan perkhidmatan Sistem Komunikasi Generasi Akan Datang (NGCS); perolehan peralatan perubatan dan bukan perubatan di bawah pakej Rangsangan Ekonomi Kedua dan pengurusan pemberian geran kepada pertubuhan bukan kerajaan (NGO) oleh Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia turut dibangkitkan. Bagi pengurusan kuarters, jelasnya, kementerian mengeluarkan garis panduan yang menetapkan tugas dan tanggungjawab dipikul oleh setiap Ketua Jabatan berhubung pengurusan kuarters, penyelenggaraan, bayaran utiliti, kelayakan elaun dan kemudahan pengawai yang menduduki kuarters.



9 November 2011 (Rabu)  
Wang Luar Jangka RM1.4 bilion tak lesap

KUALA LUMPUR 9 Nov. - Kementerian Kewangan menyifatkan tuduhan yang dilakukan oleh Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim bahawa peruntukan Wang Luar Jangka bernilai RM1.4 bilion pada 2010 telah lesap sebagai tidak berasas. Timbalannya, Datuk Dr. Awang Adek Hussin berkata, ia merupakan tindakan tidak bertanggungjawab oleh Anwar kerana perbelanjaan Wang Luar Jangka tersebut telah dibentangkan di Parlimen dan diluluskan pada sesi Mac/April tahun ini. Katanya, pada sesi itu, beliau sendiri telah membentangkan peruntukan berkenaan dan telah diagihkan kepada setiap kementerian untuk melaksanakan program masing-masing. "Saya ingin jelaskan di sini bahawa peruntukan Wang Luar Jangka yang disediakan setiap tahun adalah berjumlah RM1.5 bilion. "Apabila laporan audit menyatakan bahawa baki peruntukan tersebut pada Disember 2010 adalah berjumlah RM79,147,700, beliau (Anwar) mempersoalkan pula ke mana hilangnya RM1.4 bilion selebihnya, sedangkan perbelanjaan peruntukan wang tersebut telah dibentangkan pada sesi Mac/April lalu. "Sama ada beliau tidak hadir pada sesi berkenaan ataupun lupa mengenainya. Beliau pernah menjadi Menteri Kewangan dahulu, sepatutnya beliau faham mengenainya (perbelanjaan peruntukan Wang Luar Jangka). "Kami ada bukti mengenai perbelanjaan peruntukan tersebut menerusi Kertas Perintah 3 Tahun 2011. Apa yang Anwar buat ini tidak bertanggungjawab dan hanyalah tuduhan liar semata-mata," katanya pada sidang akhbar di lobi Parlimen, di sini, hari ini. Beliau mengulas dakwaan Anwar bahawa RM1.4 bilion daripada peruntukan Wang Luar Jangka telah lesap. Menurut Awang Adek, tuduhan liar Anwar itu memberi gambaran negatif kepada kerajaan yang memerintah kerana ia seolah-olah menggambarkan kerajaan menyebabkan peruntukan tersebut lesap. "Apa yang dikhuatirkan ialah apabila mereka menghebahkannya kepada rakyat menerusi ceramah-ceramah mereka di seluruh negara. Ini akan mengelirukan rakyat. "Sedangkan peruntukan tersebut tidak lesap tetapi telah digunakan dengan sebaik-baiknya oleh kerajaan," jelasnya.



9 November 2011 (Rabu)  
Strategi susun semula kewangan

KUALA LUMPUR 9 Nov. - Langkah Malaysia Airlines System Bhd. (MAS), melupuskan 70 peratus pegangan dalam Mas Catering Sdn. Bhd. (MCSB) pada 2002 merupakan sebahagian daripada strategi penyusunan semula kewangan syarikat penerbangan itu. Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, langkah tersebut dilaksanakan bagi membolehkan MAS memberi tumpuan kepada aktiviti terasnya iaitu dalam penyediaan perkhidmatan penerbangan domestik, antarabangsa dan kargo. "Selain itu, pelupusan tersebut juga membolehkan MAS memperoleh dana yang sangat diperlukan ketika itu di samping mengekalkan 30 peratus pegangan dalam MCSB bagi memelihara kepentingannya," katanya dalam jawapan bertulis kepada soalan **Wee Choo Keong (Bebas-Wangsa Maju)** di Dewan Rakyat, di sini, hari ini. Najib yang juga merupakan Menteri Kewangan menjawab soalan Choo Keong yang mahu mengetahui mengapa MAS menjual 70 peratus pegangannya dalam MCSB kepada sebuah syarikat lain dan membuat perjanjian yang dianggap berat sebelah terhadap syarikat penerbangan tersebut sehingga mereka terpaksa membeli semua makanan, minuman serta lain-lain perkhidmatan kabin dengan keuntungan jaminan daripada syarikat berkenaan selama 25 tahun. Pada 30 Julai 2002, MAS telah melupuskan 70 peratus pegangan dalam MCSB kepada Konsortium Gubahan Saujana Sdn. Bhd. pada harga jualan sebanyak RM175 juta berdasarkan kajian menyeluruh dan nilai pasaran yang adil. Najib berkata, susulan daripada pelupusan saham berkenaan, MAS dan MCSB telah menandatangani Catering Agreement pada 25 September 2003. "Perjanjian untuk tempoh 25 tahun berkenaan merupakan satu perkongsian perniagaan strategik jangka panjang di antara syarikat penerbangan dengan pembekal/penyaji makanan dan wajar diteruskan bagi memastikan tahap kualiti makanan yang disediakan oleh MAS sentiasa terjamin serta memuaskan penumpangnya. "Catering Agreement ini boleh ditamatkan dengan syarat, pihak yang ingin menamatkan perjanjian perlu membeli saham pihak yang bertentangan," jelasnya.



**10 November 2011 (Khamis)**  
**Hasil jualan bon RM1.35b, bayai beli tanah KDSB**

KUALA LUMPUR 10 Nov. - Hasil penjualan bon RM1.35 bilion untuk membiayai pembelian tanah milik Kuala Dimensi Sdn. Bhd. (KDSB) di Pulau Indah, Klang, tidak boleh diguna dengan sewenang-wenang oleh pihak yang mengeluarkannya mahupun tuan tanah berkenaan. Pembelian tanah seluas 335.8 hektar tersebut adalah bagi projek Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ). Naib Presiden Kanan Malaysian International Merchant Bankers Bhd. (MIMB), Ismadi Isenin memberitahu Mahkamah Tinggi di sini hari ini, bon tersebut dikeluarkan oleh Special Port Vehicle Bhd. (SPVB) kepada KDSB. Namun begitu, menurut beliau, SPVB dan KDSB tiada hak langsung ke atas hasil bon tersebut kecuali melalui MIMB dan pemegang amanahnya. Ini kerana, katanya, apabila MIMB melanggan secara amanah bon RM1.31 bilion tersebut, ia dimasukkan ke dalam akaun kutipan yang dikawal oleh bank tersebut. Ismadi berkata demikian di Mahkamah Tinggi di sini hari ini ketika memberi keterangan dalam perbicaraan terhadap bekas Menteri Pengangkutan, Tun Dr. Ling Liang Sik yang didakwa menipu Kerajaan Malaysia.

Disoal dalam pemeriksaan balas oleh peguam Wong Kian Kheong yang mewakili Liang Sik, saksi pendakwaan ke-19 itu bersetuju bahawa MIMB telah mengkaji dan membuat keputusan yang bon berkenaan berdaya maju dan sah di sisi undang-undang. Sekiranya berlaku pelanggaran syarat-syarat, MIMB bertanggungjawab memaklumkannya, menurut Ismadi yang turut menambah kata, beliau tidak pernah diberitahu berlaku kemungkiran di pihak SPVB. Ujar beliau, Pacific Trustee Bhd. (PTB) yang dilantik sebagai pemegang amanah bagi tujuan bon juga tidak pernah memberitahu tentang berlakunya sebarang pelanggaran undang-undang. Menurut Ismadi, beliau tidak diberitahu yang Suruhanjaya Sekuriti (SC) pernah mengambil tindakan undang-undang berhubung perkara tersebut. Jelas saksi lagi, bon diterbitkan sebanyak RM1.31 bilion namun MIMB menjualnya kepada pelabur sebanyak RM1.35 bilion dan perbezaan tersebut merupakan keuntungan kepada MIMB daripada hasil jualan. Terdahulu seorang konsultan bebas, Mohd. Izzuddin Mohd. Yusof dalam keterangannya selaku saksi pendakwaan ke-18 berkata, MIMB dilantik oleh KDSB dalam urusan terbitan bon. Menurutnya, ketika beliau bertugas di firma penarafan, Malaysian Rating Corporation Bhd. (MARC), jawatankuasa penarafan dalaman firma tersebut telah memberikan taraf paling tinggi iaitu AAA bagi terbitan bon tersebut. Mohd. Izzuddin menyatakan, taraf tersebut diberikan dengan adanya surat sokongan daripada Kementerian Pengangkutan.



**11 November 2011 (Jumaat)**  
**Kolej Kemahiran Tinggi Mara Rembau berisiko tanah runtuh**

REMBAU 11 Nov. - Kolej Kemahiran Tinggi Mara (KKT), di sini berdepan ancaman tanah runtuh yang mungkin boleh membawa kemusnahan besar, apabila tanah cerun berhampiran kolej itu kini sudah menunjukkan tanda-tanda untuk runtuh. Pegawai Jurutera Mara negeri, Mohd Haizullah Ibrahim berkata, tanah cerun tersebut yang terletak kurang lima meter dari bangunan kediaman kakitangan kolej sudah bergerak sehingga menyebabkan tembok penahan dan longkang pecah. "Kita memang sentiasa melakukan pemantauan ke kawasan ini dan hujan yang agak lebat kebelakangan ini, kita telah mengesan ada pergerakan tanah pada 3 November lalu. "Keadaan ini bukan hanya menyebabkan tembok retak, malah bangunan kediaman kakitangan juga retak selain jalan berhampiran menjadi tidak rata," katanya kepada pemberita semasa lawatan Anggota Parlimen Kuala Pilah, Datuk Hasan Malek ke kawasan itu, hari ini. Mohd Haizullah berkata, pihaknya telah melakukan kajian ke atas tanah cerun tersebut di mana ia mempunyai keluasan lebih 7.5 hektar dan ketinggian antara 50 hingga 60 meter. - Bernama

BLOG **House PK** ([parpukari.blogspot.com](http://parpukari.blogspot.com)) menyentuh dakwaan palsu portal berita propembangkang kononnya Menteri Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil telah mengeluarkan kenyataan menyatakan keluarganya layak mendapat projek Pusat Feedlot Kebangsaan (NFC). Katanya, portal yang sangat terkenal dengan fitnahnya, *Malaysiakini*, akhirnya mengakui bahawa dengan sengaja telah memfitnah. "Walaupun terdapat ralat yang dibuat, tetapi ralat itu sebenarnya hanya untuk mengelakkan daripada perangkap undang-undang, setelah Rafizi Ramli (Pengarah Strategi Parti Keadilan Rakyat) bakal berhadapan dengan tindakan NFC," katanya. Ujarnya, modus operandi *Malaysiakini* amat mudah. Timbulkan persepsi dan selepas para pembacanya terutama sekali yang malas membuat rujukan dan mentelaah telah pun membuat kesimpulan berdasarkan arah yang dipandu oleh portal berkenaan, maka ralat pun dikeluarkan bagi memperlihatkan seolah-olah portal tersebut sedang memperbetulkan semula kesalahan yang telah dilakukannya. Blog **Sungai Rapat Online** ([pengundisetiasungairapat.blogspot.com](http://pengundisetiasungairapat.blogspot.com)) pula mengulas rasa tidak berpuas hati pemimpin pembangkang apabila mereka dihalang masuk untuk melawat projek ladang ternakan lembu NFC. Katanya, tindakan pengawal keselamatan ladang terbabit adalah wajar. Adakah dengan membiarkan pemfitnah masuk pusat ternakan lembu itu mampu selesaikan masalah. Sudah pasti banyak lagi perkara yang akan difitnah oleh sang pemfitnah. "Adakah wajar membiarkan konco-konco Anwar untuk mencari kesalahan demi kesalahan seolah-olah macam PKR tidak pernah buat salah. "Harus diingat projek ini adalah projek penswastaan Pusat Feedlot Kebangsaan yang ditawarkan kepada dua syarikat yang berkaitan dengan haiwan ini termasuk satu daripada syarikat itu dari luar negara. Syarikat dari luar negara iaitu Lambert Corp. telah menarik diri," katanya.

Blog **Pisau.net** ([www.pisau.net](http://www.pisau.net)) pula menyifatkan Rafizi dan Setiausaha Agung PKR, Saifudin Nasution Ismail sebagai pengurus dan penyelia kilang fitnah parti itu. Katanya, mereka mempunyai produk baru iaitu lembukan rakyat dengan dakyah fitnah dan putar belit fakta mengenai projek NFC. "Makanya berkokok sakan haprak pakatan dengan bermodalkan fitnah tanpa sedar dilembugan oleh Saifudin dan Rafizi untuk menghancurkan lawan politik mereka. "Seluruh negara pernah digemparkan pembohongan Saifudin mengenai kes kapal selam tak boleh menyelam, yang akhirnya terpecah tembelang dan terbukti terdedah Saifudin perbodohkan rakyat di seluruh negara. "Kemudian Rafizi pula kantoi dalam beberapa siri pembohongan. Dia orang kata, cuma ada lembu seekor dalam projek NFC? Memang budak Rafizi tak buat *homework*," katanya. Blog **Gerakan Anti PKR** ([gerakan-anti-pkr.blogspot.com](http://gerakan-anti-pkr.blogspot.com)) pula mempertikaikan sikap Rafizi yang tidak menyerang kartel-kartel daging yang menguasai pasaran daging dan menentukan harga barang berkenaan. "Sebaliknya Rafizi menyuarakan tohmahan kartel-kartel daging yang terjejas kerana NFC dengan harapan, orang ramai hanya berminat mendengar tetapi tidak berminat untuk mentelaah kembali laporan Ketua Audit Negara terutama pada muka surat 135 sehingga 145, berkenaan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. "Kesilapan terbesar bagi Rafizi ialah dia terlalu berterus-terang yang dia adalah pencacai kartel daging yang enggan berkongsi pembahagian RM1.5 bilion dengan sebuah syarikat bumiputera!!!," katanya.

Sementara itu, cadangan untuk mengurangkan kakitangan awam Setiausaha Bahagian Penerangan DAP, Tony Pua terus mendapat perhatian penulis blog. **XPressMinda** ([xpressminda.wordpress.com](http://xpressminda.wordpress.com)) mengulas; "Sekarang kita ada lebih kurang 1.2 hingga 1.3 juta kakitangan awam dan paling tidak, kurang-kurang separuh juga daripadanya akan tanam jagung di kampung kalau DAP, Pas dan PKR memerintah Malaysia nanti. "Ni belum pun diberi peluang berkuasa tapi dah punya planning jahat. Mahu cecah ratus ribu beb yang bakal gigit jari termasuk puluhan ribu totok Pas dan PKR yang selalu buat onar sabotaj sana sini itu," ujarnya. Katanya, yang pastinya andai takdir Pakatan Rakyat (PR) memerintah maka ramai yang akan jadi penganggur dan hilang kerja semata-mata untuk memenuhi cita-cita kemaruk kuasa pihak pembangkang. Blog **MyKMU.net** ([www.mykmu.net](http://www.mykmu.net)) pula mengucapkan tahniah dan selamat maju jaya kepada semua kakitangan awam yang mana sekarang begitu giat sekali menyokong pakatan haram pembangkang. "Minta maaf, orang Melayu mana yang sekolah Melayu memang tak tahu, sebab berita ini (kenyataan Tony Pua) disiarkan sebuah akhbar Cina, *Sin Chew Daily*. "Harakah yang selalu jadi bahan rujuk Melayu propembangkang tak akan petik cerita ini atas sebab akan menjatuhkan lagi rating pakatan haram pembangkang yang sedang berada di paras tidak selamat ke paras sangat tidak selamat. "Penulis tidak mahu cakap banyak sebab mahu orang-orang kerajaan berfikir sendiri untung nasib mereka kalau memilih puak-puak ini menjadi pemerintah besok. Di Malaysia, kita tidak mewajibkan orang kerajaan mengundi kerajaan macam mana yang pernah dilakukan parti Golkar bawah pimpinan Suharto di Indonesia dulu," katanya. Blog **MY Massa** ([mymassa.blogspot.com](http://mymassa.blogspot.com)) berkata, jika kakitangan kerajaan merasakan pembangkang dapat membela nasib mereka, ternyata mereka silap.

Katanya, belum berkuasa, DAP telah berani mengisyiharkan untuk mengecilkan saiz jabatan kerajaan. Ini bermakna, makin ramai yang bekerja dengan kerajaan akan hilang pekerjaan. "Lihatlah apa yang berlaku di Selangor. Mereka mengurangkan jawatan terutamanya di GLC (syarikat milik kerajaan negeri) dengan menamatkan pekerja-pekerja kontrak atau memecatnya. "Kononnya untuk mengurangkan kos operasi. Dalam masa yang sama, mereka tambah jawatan lantikan politik (melantik ahli DAP, PKR dan Pas) yang lebih tinggi grednya. Silap mata mudah untuk menipu rakyat. "Mahukah anda perkara ini berlaku kepada diri anda atau keluarga anda? Hilang mata pencarian dek sikap tamak DAP yang menggunakan dasar kerajaan untuk meraih undi kaum tertentu," katanya.



**12 November 2011 (Sabtu)**  
**RM5j bina GiatMara baru di Raub**

RAUB 12 Nov. - Kerajaan memperuntukkan RM5 juta untuk membina sebuah GiatMara baru di daerah ini menggantikan pusat latihan sedia ada yang usang dan tidak sesuai lagi digunakan. Pengurus GiatMara, Datuk Shahiruddin Ab. Moin berkata, bangunan sedia ada berusia lebih 15 tahun dan tidak mampu menampung jumlah pelatih yang semakin bertambah. Menurut beliau, pusat latihan itu semakin mendapat sambutan dan menjadi pilihan kerana ia menganjurkan kursus yang relevan dan mampu memenuhi kehendak sektor industri selain melahirkan ramai usahawan. "GiatMara menyediakan pelbagai kursus dan latihan jangka panjang dan pendek dengan tenaga pengajar terlatih dan latihan kemahiran yang dipelajari di sini sentiasa dibuat penambahbaikan bagi memenuhi keperluan tenaga kerja semasa," katanya. Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mengadakan perjumpaan dengan pemimpin Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) dari seluruh daerah ini di Pejabat Pelajaran Daerah Raub di sini, kelmarin. Menurut beliau, GiatMara sentiasa mengkaji setiap kursus yang dijalankan supaya para pelatih mampu memperoleh pendapatan tinggi.



**14 November 2011 (Isnin)**  
**Projek makmal Institut Halal dijangka siap 2014**

NILAI 14 Nov. - Pembinaan projek Makmal Institut Halal Malaysia di Bandar Enstek di Nilai dekat sini dijangka dapat dimulakan pada tahun depan. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom berkata, projek itu kini dalam proses akhir untuk ditender dan dijangka dapat diselesaikan pada hujung tahun ini. "Kerajaan berharap projek itu dapat disiapkan pada 2014. Makmal itu direka bentuk dengan begitu menarik sesuai dengan kedudukannya yang berhampiran Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA). "Jika kita lihat dari udara, penyusunan bangunan makmal itu akan menampakkan bentuk huruf 'halal' dalam tulisan jawi," katanya pada sidang akhbar selepas menutup Ihtifal Institusi Pengajian Tinggi (IPT) ASEAN 2011 di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di sini hari ini. Turut hadir, Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), Datuk Othman Mustapha dan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) USIM, Prof. Dr. Musa Ahmad. Makmal Institut Halal Malaysia dibina sebagai sebuah pusat khas menguruskan segala urusan berkaitan produk tempatan mahupun antarabangsa yang ingin mendapatkan pengiktirafan status halal. Projek yang menelan belanja RM27.3 juta itu akan dibina di kawasan seluas 16.2 hektar di Bandar Enstek di Nilai dekat sini. Makmal itu juga bakal dijadikan sebuah pusat yang bukan sahaja mengeluarkan status halal bagi produk tempatan malah diperakui oleh 23 negara lain.



**14 November 2011 (Isnin)**  
**Audit: Pengurusan KWSP terbaik**

KUALA LUMPUR 14 Nov. - Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) mengungguli kedudukan pertama pengurusan kewangan mengatasi 12 badan berkanan persekutuan terbaik lain apabila memungut markah melebihi 90 peratus. KWSP dalam satu kenyataan hari ini berkata, Laporan Ketua Audit Negara 2010 memberikan penarafan sangat baik kepada pengurusan kewangan kumpulan tersebut kerana berjaya mewujudkan rangkaian sistem pengurusan yang amat berkesan. "Laporan itu juga menyatakan KWSP disokong kukuh oleh pengurusan sumber manusia yang kompeten dan profesional sekali gus mengatasi prestasi yang dicatatkan pada 2007. "Malahan, KWSP juga mempunyai pelan peralihan tugas yang merupakan sebahagian daripada perancangan strategik sumber manusia," kata kenyataan itu. Tambah kenyataan itu, laporan tersebut turut menekankan bahawa KWSP menujuhan beberapa jawatankuasa bagi memantapkan pengurusan dan pentadbirannya. "Jawatankuasa Audit Lembaga dan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun diwujudkan untuk membantu Ketua Pegawai Eksekutif mengawasi sistem kewangan dan perakaunan KWSP.

Oleh ABDUL YAZID ALIAS [pengarang@utusan.com.my](mailto:pengarang@utusan.com.my)

SHAH ALAM 14 Nov. – Kerajaan Parti Keadilan Rakyat (PKR) Selangor didesak menjelaskan dakwaan tentang wujudnya amalan salah tadbir urus yang membabitkan sebuah anak syarikat di bawah Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS). Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kuang, Abdul Shukor Idrus (gambar) berkata, syarikat tersebut, Selangor Palm Oil Industries Corporation Sdn. Bhd. (Sopic) didakwa membelanjakan kira-kira 50 peratus daripada RM20 juta wang tunai milik anak syarikatnya pada tahun lalu. Menurutnya, perbelanjaan yang membabitkan pelantikan kontraktor bernilai jutaan ringgit bagi projek pembinaan kandang lembu tenusu Milking Parlour dan Pejabat Ladang PKPS Jelutong Jati, Sabak Bernam itu menimbulkan pelbagai persoalan kerana Sopic sendiri telah dihentikan operasinya oleh PKPS pada 2009. Amalan itu katanya, didakwa dikesan menerusi satu prosedur kewangan yang tidak munasabah apabila Sopic menerusi dua ahli lembaga pengarahnya pada 19 Julai 2010 meluluskan pelantikan kontraktor iaitu LLK Construction Sdn. Bhd. (LLK Construction) untuk melaksanakan projek yang menelan kos RM1.38 juta tersebut. “Bagaimana sebuah anak syarikat yang telah dihentikan operasinya pada 2009 boleh menjalankan operasi perniagaan? Adakah Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim yang juga Pengerusi PKPS sendiri tidak tahu perkara ini?” katanya ketika membahaskan Bajet Selangor 2012 pada Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor di sini hari ini.

Abdul Shukor berkata, selain projek tersebut, amalan sedemikian turut melibatkan kelulusan pelantikan kontraktor yang sama untuk projek ternakan ayam daging di Ladang PKPS Jelutong Jati, Sabak Bernam berjumlah RM975,130 pada 18 Mei lalu. Jelasnya, pemberian kontrak itu turut melibatkan pembelian mesin projek ternakan ayam berjumlah RM3.5 juta oleh syarikat Jensen Poultry Equipment atas cadangan LLK Construction sendiri. “Kita merasakan pemberian kontrak kepada syarikat kontraktor itu dibuat tanpa melalui proses tender yang telus dan menimbulkan banyak keraguan,” jelasnya. Dalam perkembangan lain, Abdul Shukor ketika bercakap kepada pemberita di luar sidang DUN, turut mempersoalkan ketelusan kerajaan negeri dalam amalan pengurusan perlombongan pasir menerusi anak syarikat Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. (KSSB). “Berdasarkan maklumat yang diterima, wujud campur tangan dalam pengurusan perlombongan pasir di negeri ini oleh ahli lembaga pengarah KSSB yang terdiri daripada Exco serta ADUN,” ujarnya. Perkara itu turut disahkan oleh seorang bekas Eksekutif Pemasaran KSSB, T. Sivanesan yang hadir pada sidang akhbar berkenaan dan mendakwa wujud elemen campur tangan tersebut dari segi pemberian kontrak perlombongan pasir dan penjualan pasir kepada syarikat yang sama. Syarikat itu juga katanya, dimiliki oleh individu yang berkepentingan politik serta mempunyai kaitan dengan Menteri Besar dan Penasihat Parti Keadilan Rakyat (PKR), Datuk Seri Anwar Ibrahim. Menurut Sivanesan, beliau telah memaklumkan amalan salah laku KSSB itu kepada pihak pengurusan tertinggi syarikat perlombongan pasir tersebut sebelum ini.

PUTRAJAYA 15 Nov. – Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, syarikat yang diterajui anggota keluarga Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil, perlu tampil memberi penjelasan berhubung isu membabitkan Pusat Fidlot Kebangsaan (NFC). Timbalan Perdana Menteri berkata, penjelasan itu perlu kerana pada masa ini, banyak perkara dan maklumat berkaitan NFC telah didedahkan dan ia menimbulkan persoalan kepada rakyat. "Sekarang ini telah dijelaskan oleh kerajaan... mungkin satu peringkat, itu terserah kepada pihak yang terlibat untuk memberi penjelasan supaya kedudukannya lebih jelas difahami masyarakat. "...(umpamanya) bagaimana isu itu timbul, bagaimana nak tangani, bagaimana soal situasi industri ternakan dan respons kepada Laporan Ketua Audit Negara... itu terserah kepada mereka," katanya kepada pemberita di sini hari ini selepas diminta mengulas mengenai gesaan Ahli Parlimen Kinabatangan, Datuk Bung Moktar Radin, supaya Shahrizat meletak jawatan berikutnya pembabitan ahli keluarganya dalam isu NFC. Muhyiddin berkata, isu NFC itu telah dijelaskan oleh Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Noh Omar minggu lepas dan perkara itu sepatutnya diterima baik oleh pihak-pihak berkaitan.



16 November 2011 (Rabu)  
Khairy sedia debat isu Fidlot Nasional

KUALA LUMPUR 16 Nov. – Ketua Pemuda UMNO, Khairy Jamaluddin bersedia menyahut cabaran Pengarah Strategik Parti Keadilan Rakyat (PKR), Mohd. Rafizi Ramli untuk berdebat mengenai isu projek Fidlot Nasional (NFC). Khairy berkata, beliau mengetahui mengenai cabaran berkenaan daripada laporan media sosial tetapi masih belum menerima sebarang tawaran rasmi daripada pihak Rafizi untuk berdebat. "Setakat ini saya masih belum menerima apa-apa tawaran untuk berdebat secara rasmi lagi tetapi saya sentiasa bersedia. Saya mengetahui mengenainya juga melalui media sosial," katanya pada sidang akhbar di lobi Parlimen di sini hari ini. Projek Fidlot Nasional baru-baru ini menjadi perhatian ramai apabila berlaku pertikaman lidah antara penyokong kerajaan dan pembangkang mengenai isu pinjaman RM250 juta kepada National Feedlot Corporation Sdn. Bhd. (NFC) yang dipertanggungjawab melaksanakan projek berkenaan pada sesi penggulungan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani di Dewan Rakyat minggu lalu. Berikut itu, Rafizi pada Isnin lalu telah mencabar Khairy berdebat mengenai isu tersebut.



18 November 2011 (Jumaat)  
NFC wajar ambil tindakan jika difitnah

KUALA LUMPUR 18 Nov. - Perbadanan Fidlot Nasional (NFC) berhak mengambil tindakan undang-undang terhadap Mohd. Rafizi Ramli jika dakwaan dan tuduhan yang dilemparkan Pengarah Strategi Parti Keadilan Rakyat (PKR) itu berunsur fitnah. Setiausaha Agung Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (Perkasa), Syed Hasan Syed Ali berkata, begitu juga penjelasan yang dikeluarkan oleh Pengerusi NFC, Datuk Seri Dr. Mohamad Salleh Ismail yang boleh dinilai oleh pelbagai pihak mengikut tafsiran masing-masing. "Adakah ia salah laku di pihak pengurusan atau ia adalah perkara biasa dilakukan oleh semua syarikat untuk mengambil kesempatan membuat untung sementara. "Isu seorang pemimpin berkait dalam NFC adalah disebabkan keluarganya terlibat secara langsung sebenarnya tidak ada masalah jika projek itu berjaya. "Siapa sahaja yang memerintah sudah pasti ada keluarga terbabit dalam perniagaan dan mereka juga berhak mendapat bantuan melainkan ada salah guna kuasa," katanya dalam satu kenyataan di sini, hari ini. Beliau berkata demikian mengulas isu NFC yang didakwa pembangkang tidak terurus serta gagal mencapai sasaran yang ditetapkan kerajaan. Syed Hasan berkata, Perkasa percaya kerajaan akan bertindak terhadap mana-mana pemimpin yang merosakkan kewibawaannya seperti mana tindakan ke atas beberapa pemimpin sebelum ini.



18 November 2011 (Jumaat)  
Kerajaan tahu kedudukan NFC

oleh MOHD. ASRON MUSTAPHA [mohdasron.mustapha@utusan.com.my](mailto:mohdasron.mustapha@utusan.com.my)

KUALA LUMPUR 18 Nov. - Kerajaan tahu mengenai kedudukan sebenar Pusat Fidlot Nasional (NFC) dan tidak akan termakan dengan tuduhan pembangkang kononnya projek tersebut berada dalam keadaan tidak terurus serta gagal mencapai sasaran ditetapkan. Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, kerajaan bertindak bersandar fakta dan bukannya berpandu kepada cerita-cerita yang dibawa pembangkang. Sehubungan itu, katanya, terserah kepada masyarakat untuk menilai sejauh mana kesahihan dakwaan pembangkang kerana pengurusan NFC melalui Pengerusinya, Datuk Seri Dr. Mohamad Salleh Ismail telah menjawab setiap isu berbangkit dalam projek berkenaan. "Penjelasan telah diberi secara terperinci dan petugas media juga turut diberi peluang melawat pusat projek tersebut. Kini terserah kepada orang ramai untuk menilai," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Hari Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) Malaysia, di sini hari ini. Timbalan Perdana Menteri berkata demikian ketika diminta mengulas sama ada kerajaan berpuas hati dengan penjelasan Mohamad Salleh berhubung isu NFC. Dalam penjelasannya, Mohamad Salleh berkata, projek berkenaan berjaya menepati sasaran awal dan manafikan dakwaan pembangkang kononnya ia berada dalam keadaan tidak terurus. Pada masa yang sama, beliau memberitahu keputusan NFC membeli kondominium di Bangsar menggunakan wang pinjaman projek ternakan lembu juga merupakan satu langkah yang bijak dalam mengukuhkan kewangan syarikat itu. Sementara itu, ditanya mengenai tindakan Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Bukit Aman yang telah memulakan siasatan dalam isu tersebut termasuk kemungkinan wujud elemen pecah amanah, Muhyiddin berkata, perkara itu terserah kepada pihak berkuasa. "Terserah kepada pihak berkuasa untuk melakukan siasatan atau sebagainya. Perkara ini (soal siasatan) saya tidak perlu jawab kerana ia bidang kuasa pihak berkuasa berkenaan," jelasnya.

Oleh NURUL ANUAR KARI [anuar.kari@utusan.com.my](mailto:anuar.kari@utusan.com.my)

**Mohamad Salleh Ismail (tengah)** pada sidang media mengenai Isu NFC sambil diperhatikan oleh Penasihat Undang-Undang NFC, **Muhammad Shafee Abdullah** (kiri) dan Penasihat Kewangan dan Korporat NFC, **Zakaria Mohammed** di Ladang NFC, Gemas, Negeri Sembilan, Khamis lalu.

NAMA National Feedlot Corporation Sdn. Bhd. (NFC) yang selama ini perlahan-lahan dikenali sebagai pembekal daging lembu berkualiti telah melonjak dengan mendadak akibat pelbagai dakwaan pihak yang cuba menimbulkan isu atau

mempunyai agenda peribadi. NFC yang menerjui projek jangka panjang 'lembah daging' yang akan melangkau 30 tahun itu kini dijadikan sasaran kumpulan tertentu selepas laporan Ketua Audit Negara menyatakan penambahbaikan perlu dibuat untuk beberapa perkara di tapak projek tersebut. Bagi mengelakkan situasi semakin keruh, Pengerusi NFC, Datuk Seri Dr. Mohamad Salleh Ismail telah mengadakan satu sesi lawatan dan penerangan kepada wakil media cetak dan elektronik berkenaan operasi syarikat dan menjawab tuduhan yang dilemparkan. Menurut beliau, NFC bermula pada 2009 dan baru memasuki tahun ketiga operasi sedangkan kontrak syarikat tersebut adalah selama 30 tahun untuk membangunkan pengeluaran daging negara. "Ada pihak menuduh kita gagal tetapi laporan Ketua Audit Negara menyatakan NFC menepati sasaran dan tidak menyatakan syarikat ini dalam keadaan kucar-kacir seperti didakwa pihak berkenaan." Sasaran membawa masuk 8,000 ekor lembu untuk 2010 juga dicapai dengan jumlah sebenar adalah 8,016 ekor," katanya. Beliau menegaskan, setiap projek akan menghadapi beberapa masalah di luar kawalan tetapi mengakui ada sesetengah masalah yang boleh dikawal dan diperbaiki. Jelasnya, perkembangan projek tersebut perlu dilihat daripada dua aspek iaitu bilangan lembu dan juga jumlah sembelihan. "Lembu NFC dibawa masuk dari Australia dan diberi makan selama empat hingga enam bulan untuk digemukkan sehingga 600 kilogram.

Kita tidak menjual lembu tetapi daging. Lembu tempatan yang kurang dagingnya dengan berat sekitar 300 kilogram mencecah sehingga RM3,000 seekor tetapi jualan daging kami mengikut jenis potongan mampu mendapat sekitar RM5,000 seekor," ujarnya. Mohamad Salleh memaklumkan, pihaknya bermula dengan mencari baka lembu yang sesuai di samping mencari kakitangan yang pakar dan juga memastikan produk yang dikeluarkan mendapat sambutan pasaran. "Semua industri tidak mempunyai permulaan sempurna tetapi ini baru peringkat permulaannya sahaja. Kami perlu mengimport bahan mentah (baka lembu) dari luar seperti mana permulaan pokok kelapa sawit dibawa masuk dahulu. "Kami pergi ke Australia tetapi sebagai orang baru, sukar untuk membentuk jaringan dengan pembekal baka dan Malaysia bukanlah pelanggan paling menarik bagi mereka berbanding Indonesia yang membeli lembu dalam jumlah besar," jelasnya. Tambahnya, Malaysia kekurangan lembu berkualiti dari sudut jumlah dan kualiti daging dan kerana itu NFC memilih membawa masuk baka yang mempunyai banyak daging (Brahman) atau daging lebih berkualiti (Wagyu) yang mempunyai nilai pasaran lebih tinggi. Tegasnya lagi, tugas utama NFC adalah meningkatkan pengeluaran daging penternak tempatan tetapi pembiakan bukan sebahagian daripada kontrak syarikat. "Namun, kami tetap beri perhatian terhadap usaha pembiakan dan telah menampakkan hasilnya. Fidlot adalah tempat membawa masuk lembu luar, beri makan dan gemukkan lembu tersebut sebelum disembelih dan dijual dagingnya. Namun, jika ada daging tapi tiada pasaran juga tidak boleh jual, maka kena ada usaha pemasaran di samping menjaga faktor logistik, penyimpanan dan pengedaran," katanya. Menurut Mohamad Salleh, NFC mampu menyembelih antara 20 hingga 30 ekor lembu serentak tetapi tidak boleh menyembelih jika tiada pasaran, seterusnya meningkatkan kos makanan untuk lembu. Beliau mendakwa, projek itu juga boleh dibesarkan lagi tetapi masalah akan timbul jika lembu sampai tetapi tidak disembelih kerana makanan lembu merupakan kos tertinggi bagi penternak. "Tahun 2009 merupakan tahun sukar bagi kami. Kami perlu mencari pakar fidlot, pakar sembelihan dan pemotongan daging, malahan pemasaran belum ada dan pembinaan baru bermula. Rumah sembelihan siap pada April 2009, kami mendapat sijil halal pada bulan Jun tetapi hanya menerima sijil Penanda Kesihatan Veterinar (VHM) pada 2010," ujarnya. Beliau menjelaskan, tanpa sijil VHM tiada pihak yang mahu membeli produk yang dikeluarkan tetapi kedudukan ladang yang jauh dan keperluan mematuhi syarat ketat Jabatan Haiwan menyebabkan NFC mengambil sedikit masa untuk melatih kakitangan dan menambahbaik kemudahan sedia ada. "Selepas mendapat sijil VHM baru syarikat mula membuat jualan daging kerana berjaya memenuhi syarat ketat untuk kedua-dua sijil halal dan sijil VHM.

Kita juga memberi harga diskau ketika pengenalan produk daging NFC, bukan sahaja kepada kedai kami, Meat Works di Mont Kiara malahan harga sama kepada semua pembekal dan pembeli," jelasnya. Tambahnya, NFC juga telah berbincang dengan Felda dan Felcra untuk usaha pembiakan baka lembu daging di kalangan penduduk kampung dan luar bandar seterusnya menjadikan pertanian kontrak sebagai satu industri baru. "Tahun pertama dan kedua perniagaan baru biasanya tak buat duit tapi kami berasas baik pasaran mula menerima produk keluaran NFC pada tahun ketiga operasi. Aset penting seperti bangunan di ladang ini tidak membawa masuk duit tetapi ia perlu untuk operasi dan kita jangka NFC akan mula menerima unjuran positif bermula 2012," ujarnya. Menjelang 2015, NFC dijangka mencapai pengeluaran daging tahunan hasil penyembelihan 60,000 ekor lembu ditambah dengan 186,000 ekor lembu lagi hasil pertanian kontrak terutamanya penduduk kampung dan luar bandar. Selain pertanian kontrak, projek ini dijangka boleh dikembangkan kepada perniagaan runcit, francais dan pengeluaran produk berasaskan kulit lembu. Walaupun tanpa pengiklanan aktif, bekalan daging keluaran NFC sudah tidak cukup bagi memenuhi permintaan pasaran tempatan. Mohamad Salleh menegaskan, fokus utama dalam memulakan NFC adalah untuk memberi jaminan bekalan makanan negara yang kini masih mengimport sekitar 70 peratus daging dari India, Australia, New Zealand, Amerika Syarikat dan Uruguay. "Sebenarnya mudah sahaja untuk negara pengeluar menghentikan bekalan kepada Malaysia, maka bekalan makanan kita tidak cukup untuk rakyat. Kerana itu perlu dibangunkan projek bekalan makanan sendiri sebegini demi menjamin bekalan makanan. Di samping itu, projek sampingan daripada perancangan ini juga banyak boleh dikembangkan," katanya.



20 November 2011 (Ahad)  
Liputan air terawat di Kelantan lebih teruk

KUALA LUMPUR 20 Nov. - Liputan bekalan air terawat kepada rakyat Kelantan bukan sahaja yang paling teruk di negara ini, malah ketinggalan lebih 10 tahun ke belakang berbanding negeri-negeri lain. Malah, purata 57 peratus sahaja daripada 1.54 juta penduduk Kelantan yang menerima air terawat didapati lebih rendah walaupun dibanding dengan purata penduduk pedalaman Sabah dan Sarawak yang dibekalkan air terawat. Harus diingat Sabah dan Sarawak mempunyai penduduk yang jauh lebih ramai iaitu masing-masing 3.21 juta dan 2.47 juta serta mempunyai keluasan yang sangat besar, selain keadaan muka bumi bergunung-ganang. Bagi kawasan pedalaman Sabah, peratusan liputan penduduk yang menerima air terawat ialah sebanyak 58.4 peratus, manakala penduduk kawasan pedalaman Sarawak pula mendapat liputan 61 peratus. Perbandingan itu belum lagi dibuat mengikut kawasan bandar, di mana mengikut laporan rasmi Panduan Industri Air Malaysia 2011, penduduk bandar di Sabah dan Sarawak mendapat masing-masing 99.5 peratus air terawat.



21 November 2011 (Isnin)  
Masalah air pada tahap kritis



**KESAN karat pada pinggan makan disebabkan penggunaan air tidak bersih di Rantau Panjang, Kelantan.**

SIRI 1 dan 2 Laporan Khas Utusan Malaysia semalam dan kelmarin berkaitan kualiti air di Kelantan mendedahkan mengenai pencemaran bekalan air di negeri tersebut dengan logam-logam berat berbahaya. Kandungan logam-logam seperti arsenik, besi dan mangan serta bakteria E.coli ditemui menerusi ujian makmal Kementerian Kesihatan dari tahun 2008 hingga 2010 dan juga uji kaji yang dijalankan sendiri pihak Utusan Malaysia di makmal

bertauliah swasta baru-baru ini. Hari ini, sambungan laporan khas memfokus kepada isu Kelantan negeri tercorot berbanding negeri lain dari segi bekalan air terawat, iaitu hanya 57 peratus daripada 1.54 juta penduduk menerima bekalan air dirawat atau dibekalkan melalui loji rawatan. Wartawan MOHD. ASRON MUSTAPHA dan TERMIZI CHE ANUAR serta jurugambar MOHD. NAIM AZIZ kali ini tampil dengan interview-interviu dengan para penduduk Kelantan yang memberi pelbagai reaksi, luahan dan keluhan berkaitan kesukaran mendapatkan bekalan air bersih dan terawat di negeri tersebut. Ikuti Siri 3 Laporan Khas Utusan Malaysia berkaitan isu kualiti air di Kelantan yang berkongsi rasa kesengsaraan rakyat negeri itu.

KUALA LUMPUR 21 Nov. – Kegagalan Air Kelantan Sdn. Bhd. (AKSB) menyediakan liputan air terawat secara menyeluruh serta bekalan air yang sering terputus menyebabkan sebahagian besar penduduk negeri ‘Cik Siti Wan Kembang’ terpaksa menggunakan sumber air mentah. Hasil siasatan selama dua bulan di Kelantan, Utusan Malaysia mendapati terdapat penduduk yang mengalami masalah itu, sanggup mengeluarkan wang poket sendiri semata-mata untuk membeli air bersih di kedai-kedai runcit bagi kegunaan harian. Ketika berada di Pusat Perniagaan Bebas Cukai Rantau Panjang, mereka menyaksikan sendiri bagaimana ada peniaga gerai makanan yang menggunakan air ‘boring’ (telaga tiub) yang warnanya kemerah-merahan untuk membasuh pinggan mangkuk.



25 November 2011 (Jumaat)  
GLC bukan 'gerakan bawah tanah'

Oleh ZULKIFLI JALILpengarang@utusan.com.my

BANYAK yang sudah dilakukan oleh syarikat-syarikat milik kerajaan (GLC) untuk menjayakan agenda bumiputera. Dalam konteks ini, GLC bukanlah gerakan 'bawah tanah' - takut kepada pihak tertentu untuk memperakuinya - sebaliknya realistik dalam melaksanakan objektif tersebut. Prinsip asas dan utama GLC bukanlah untuk mengelakkan komitmen menggerakkan aspirasi membina usahawan Melayu tetapi bermotokan - pasti lakukannya. Itulah sebabnya apabila peranan GLC dipersoalkan oleh sesetengah pihak termasuk ahli sesebuah parti atau pertubuhan dalam membantu pencapaian agenda Melayu, ia secara tidak langsung sebenarnya memperakui bahawa usaha di pihak pengurusan GLC berkenaan hakikatnya memang ada dan ia tidak dapat lari daripada objektif bumiputeranya. Umum khususnya ahli UMNO barangkali 'cuak' tentang peranan GLC dalam mendukung matlamat kerajaan dalam meningkatkan keupayaan serta kredibiliti syarikat dan individu bumiputera. Ia kadang-kala mencetuskan 'dilema'. Yakni, sama ada ia dilakukan secara bersungguh-sungguh atau 'sekadar melepaskan batuk di tangga'. Kerana itu, pada setiap kali tibanya Perhimpunan Agung UMNO, akan timbulah suara mengenai 'peranan' GLC ini. Ada perwakilan mencetuskan andaian bahawa GLC terlalu bersandarkan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) berdasarkan keuntungan dan bukan kejayaan membantu ramai bumiputera. Adakah ia berupa fakta atau andaian semata-mata? Atau cukupkah takat mana komitmen GLC dalam soal memperjuangkan bumiputera ini?

Apa pun untuk memahami perjuangan atau salasilah sesebuah pertubuhan atau gerakan, ia semestinya bermula dari peringkat awal. GLC dari segi definisinya adalah syarikat-syarikat yang dikawal oleh Syarikat Berkaitan Pelaburan Kerajaan (GLIC) di mana GLIC adalah pemegang saham majoriti atau pemegang saham tunggal terbesar. Sebagai contohnya, GLIC terdiri daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Khazanah Nasional (KNB), LTAT, Lembaga Tabung Haji (LTH) dan Permodalan Nasional Berhad (PNB). Tetapi GLC setiap satunya ada pihak empunya masing-masing. Misalnya KWSP, GLCnya adalah MRCB; PNB (Maybank, Sime Darby, CCM dan UMW) manakala Khazanah Nasional pula yang dinaungnya adalah Malaysia Airlines System, TM, UEM, Tenaga Nasional Berhad, Axiata, Malaysia Airports dan CIMB Group. Pernah terjadi satu insiden di mana sebuah kesatuan sekerja mempersoalkan pihak Khazanah mengapa tidak diambil tindakan ke atas KTMB (Keretapi Tanah Melayu Berhad) yang merupakan sebuah GLC dalam satu isu. Memang benar dakwaan kesatuan sekerja berkenaan tetapi dari segi fakta ialah tindakan memang tidak boleh diambil. Ini disebabkan KTMB bernaung di bawah GLIC lain. Ia umpama kita mencampuri urusan rumah tangga orang lain atau negara lain. Memang benar mungkin ada unsur 'terlepas pandang' dalam penyaluran kontrak atau tender tertentu kepada pihak yang berkehendakkan sesuatu projek GLC tetapi jumlahnya terlalu sedikit atau kesnya amat terpencil. Dikatakan ketika ini terdapat kira-kira 200,000 syarikat bumiputera di seluruh negara manakala kontraktor kelas F sahaja mencecah 40,000 orang. Jadi, amatlah mustahil GLC boleh menolong kesemua mereka atau menyediakan 40,000 kontrak atau tender untuk kontraktor-kontraktor terbabit setiap tahun. Memang mudah sebenarnya menuntut itu dan ini daripada GLC tetapi hakikat dan realitinya kenalah 'mengukur baju di badan sendiri'. Bayangkan untuk kontrak/tender membekalkan nasi lemak atau makanan dalam pesawat, banyak prosedur atau kriteria perlu dipatuhi. Katakan untuk penerbangan ke London, dicampur masa sarapan, jadi lama tempoh makanan berkenaan perlu bertahan adalah sekitar 13 jam. Ini bukan soal hendak membekalkan beratus-ratus bungkus nasi lemak, tetapi puluhan ribu juadah yang pelbagai. Setiap hari kita ada penerbangan ke London, Paris dan Amsterdam. Kalau 300 penerbangan sehari bagaimana? Ini soal bagaimana krew kabin perlu memanaskan juadah berkenaan dan itu belum mengambil kira kepakaran atau penggunaan peralatan tertentu untuk mengelakkan makanan basi dan sebagainya.

Dan sekali pun ada dakwaan mengapa kontrak/tender membekalkan makanan dalam pesawat tidak diagih-agihkan secara adil (kek dan kek), maka akhirnya nanti kita kena bercakap tentang soal kualiti dan seterusnya imej penerbangan negara. Realitinya yang berlandaskan kepada fakta, GLC termasuk yang bernaung di bawah Khazanah Nasional telah melakukan yang terbaik dalam mentransformasikan GLC dan agenda bumiputera dalam prinsip utama programnya. Dalam Model Ekonomi Baru (MBE) contohnya, daripada 87 EPP yang dilancarkan sehingga Jun 2011, 10 daripadanya melibatkan GLC di kalangan GLC utama dengan nilai pelaburan RM6.3 bilion. Dalam menerokai peluang-peluang pelaburan di luar negara, GLC turut bermuafakat dan bekerjasama dengan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Malaysia Airports contohnya, melalui perancangan dan pembangunan projek, telah turut memberi peluang luar negara kepada kontraktor, firma perunding (arkitek, kejuruteraan dan ukur bahan) tempatan.

Antaranya, Sinar Jernih (India) Pte.Ltd dianugerahkan kontrak pembersihan dan penyelenggaraan di Lapangan Terbang Antarabangsa Rajiv Gandhi di Hyderabad, India. Di lapangan terbang sama, Asia Pacific Flight Training Sdn. Bhd. pula untuk perkhidmatan latihan juruterbang. Di kesemua projek Timur Tengah (Saudi dan Yemen), Nepal dan Bosnia pula, Jurutera Perunding Zaaba Sdn. Bhd. bertindak selaku Firma Perunding Perancangan Lapangan Terbang manakala Jurukur Bahan Antara Sdn. Bhd. sebagai firma jurukur bahan. Komitmen GLC dalam membantu bumiputera sebenarnya cukup rancak di peringkat domestik atau tempatan. Daripada lebih 130 vendor yang ditauliahkan sejak 2004 hingga 2009, 103 adalah bumiputera. Untuk Celcom sahaja, lebih 50 pengedar yang dilahirkan berpendapatan antara RM5,000 hingga RM50,000 sebulan. Di Tenaga Nasional Berhad pula, sejumlah 305 vendor berjaya dihasilkan antara 2007 hingga 2010. Cuma, isu yang berlegar-legar di sini ialah nilai produk/servis yang terlalu kecil dalam sesuatu program atau peserta berada terlalu lama dalam program sehingga tidak memberi ruang kepada penyertaan syarikat lain. Dari aspek pembekal pula, Proton dan CIMB telah memberikan bantuan kewangan kepada pengedar Proton manakala MAS dan CIMB bekerjasama erat untuk memberikan kadar pembiayaan yang rendah kepada vendor.

Komitmen GLC dalam membantu golongan pelajar dan graduan juga cukup terbukti. Dalam program Pintar (Promoting Intelligence, Nurturing Talent and Advocating Responsibility) GLC, sejumlah 194 sekolah kebangsaan, 5 SJKC dan 8 SJKT telah dijadikan sekolah angkat. Ia melibatkan kira-kira 110,000 pelajar yang meliputi 93 peratus bumiputera. Hasilnya, pelajar yang memperoleh semua A mengatasi purata kebangsaan pada 2007 hingga 2010. Dalam komitmen penyediaan biasiswa dari Yayasan Sime Darby, Yayasan Khazanah, Yayasan UEM dan sebuah lagi yayasan GLC pula, sebanyak 35,159 biasiswa bernilai RM372 juta turut diberikan kepada 90 peratus pelajar bumiputera. Demikian juga dalam program Graduate Employability Management Scheme yang mana lebih 6,000 graduan dipilih, 880 syarikat terlibat, 4,980 (83 peratus) menjawat jawatan tetap dan 97 peratus bumiputera berjaya ke jawatan tetap. Untuk Skim Latihan 1Malaysia pula, sebanyak tiga GLIC dan 11 GLC terlibat dalam program meningkatkan kebolehpasaran graduan. Bukan itu sahaja. Komposisi keseluruhan warga kerja termasuk lembaga pengarah dalam GLC turut mencerminkan bumiputera. Daripada keseluruhan 354,977 warga kerjanya, 76 peratus adalah bumiputera dengan tahap eksekutif adalah 73 peratus manakala di peringkat lembaga pengarah sekitar 83 peratus. Dari segi peralihan kepada platform usahawan pula, UMW telah membangunkan 12 warga kerja dari seluruh negara (60 peratus bumiputera) kepada usahawan automotif yang berjaya. POS Malaysia pula melahirkan 19 usahawan Bumiputera melalui program PETER (Promoting of Employees to Entrepreneurs). Dan untuk membantu golongan miskin pula, GLC turut menggerakkan Program Pembasmian Kemiskinan yang dikenali SEJAHTERA. Dalam program yang diisi dengan penanaman 'napier grass', buah tembikai dan cili, penyediaan rumah baru, peralatan rumah dan sumbangan kewangan, sejumlah 2,352 keluarga bumiputera telah menerima manfaatnya termasuk di Sabah dan Sarawak. Komitmen GLC dalam membantu golongan bumiputera bukan sahaja sudah terbukti malah tidak wajar dipersoalkan. GLC tidak mampu memuaskan hati atau menggembirakan semua orang. Kerana itu, apabila pihak pengurusan Khazanah Nasional membentangkan komitmen semua ini kepada Gagasan Badan Ekonomi Melayu (Gabem) tempoh hari, kepimpinannya terdiam sejenak. Dan akhirnya memperakuinya.

KUALA LUMPUR 27 Nov. - Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) telah meluluskan 45 projek dengan pelaburan modal bernilai RM2.5 bilion untuk sektor pemprosesan makanan dan minuman bagi tempoh Januari hingga Ogos 2011. Projek-projek itu merangkumi produk minyak sawit, koko, produk coklat dan konfeksionari coklat, produk ternakan, produk berasaskan tepung, produk makanan laut dan lain-lain produk makanan seperti produk madu, perisa makanan, dan minuman. Daripada 45 projek pemerosesan makanan (termasuk minuman) yang telah diluluskan bagi tempoh Januari hingga Ogos 2011, 37 adalah projek baru yang melibatkan pelaburan sejumlah RM2.2 bilion atau 88 peratus daripada jumlah pelaburan. "Industri pemerosesan makanan menyumbang sebanyak 10 peratus kepada keluaran perkilangan negara dan sektor itu mengandungi kesemua aktiviti nilai tambah yang menggunakan hasil pertanian dan hortikultur," kata MIDA dalam kenyataan di sini. Sehingga Disember 2010, sejumlah 1,866 projek pengilangan bagi sektor pemerosesan makanan (termasuk minuman) telah diluluskan oleh MIDA dengan jumlah pelaburan modal bernilai RM31.2 bilion. Berdasarkan jumlah pelaburan modal bagi projek yang diluluskan itu, sebanyak 58 peratus iaitu RM18.1 billion merupakan pelaburan tempatan sementara RM13.1 bilion iaitu 42.0 peratus adalah pelaburan asing. Meskipun pelaburan dalam sektor pemerosesan makanan di Malaysia lebih dipelopori oleh syarikat-syarikat tempatan, tetapi usaha-usaha mempromosi pelaburan yang dijalankan oleh MIDA berjaya menarik minat lebih banyak pelaburan asing di dalam sektor ini.

Ini dapat dilihat melalui jumlah pelaburan modal yang diluluskan bagi tempoh Januari hingga Ogos 2011 yang mana 72 peratus (RM1.8 bilion) diluluskan bagi sektor ini melibatkan pelaburan asing manakala hanya 28 peratus atau sebanyak RM0.7 bilion adalah pelaburan domestik. Pelbagai insentif disediakan oleh kerajaan bagi menggalakkan industri pengeluaran makanan di dalam negara termasuk insentif cukai utama iaitu Taraf Perintis dan Elaun Cukai Pelaburan. Produk-produk atau aktiviti-aktiviti yang layak dipertimbangkan Taraf Perintis atau Elaun Cukai Pelaburan adalah termasuk pengeluaran coklat dan konfeksionari coklat, produk ternakan, bahan buangan pertanian atau produk sampingan pertanian, makanan akuakultur dan ekstrak tumbuhan untuk industri farmaseutikal, minyak wangi, kosmetik atau makanan. Bagi insentif berkaitan tarif, syarikat boleh mengemukakan permohonan kepada MIDA untuk mendapatkan pengecualian duti import dan cukai jualan bagi bahan mentah, mesin dan peralatan yang tidak dikeluarkan di dalam negara dan digunakan secara langsung dalam proses pengeluaran.

Syarikat-syarikat pemerosesan makanan di Malaysia juga digalakkan meneroka peluang yang sangat meluas dalam industri halal. Adalah dianggarkan bahawa nilai potensi industri makanan halal adalah di antara AS\$600 bilion dan AS\$2.1 trillion. Produk makanan halal tempatan berupaya menembusi pasaran halal dunia kerana sijil halal Malaysia diiktiraf di peringkat global. Bagi mencapai matlamat menjadikan Malaysia sebagai peneraju halal terkemuka dunia, Kerajaan telah menyediakan insentif-insentif khas bagi produk halal termasuk makanan halal. Salah satu daripadanya adalah insentif khas bagi pengeluaran makanan halal yang telah diperkenalkan semenjak tahun 2005. Syarikat-syarikat yang layak akan diberikan insentif Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 100 peratus bagi perbelanjaan modal yang layak untuk tempoh lima tahun. Permohonan bagi insentif khas ini hendaklah dikemukakan kepada MIDA. Syarikat-syarikat yang terlibat dalam aktiviti pemerosesan makanan terutama syarikat-syarikat tempatan wajar mengambil kesempatan terhadap kesemua kemudahan dan insentif cukai yang disediakan oleh kerajaan bagi mengurangkan kos menjalankan perniagaan dan untuk lebih berdaya saing di pasaran global. Pada bulan Julai 2011, Kerajaan telah mengenal pasti industri makanan sebagai salah satu lagi Bidang Keberhasilan Utama Nasional (NKRA) menjadikan bidang NKRA kini tujuh kesemuanya. Bidang baru NKRA ini merangkumi makanan dan lain-lain barang keperluan utama termasuk rantaian bekalan. Selaras dengan ini, MIDA akan terus meningkatkan usaha untuk mengenal pasti serta mempromosi pelaburan yang berkualiti dalam sektor pemerosesan makanan di dalam dan luar negara. Bagi syarikat-syarikat yang berminat untuk mengetahui butiran lanjut mengenai insentif dan kemudahan bagi sektor pemerosesan makanan, boleh terus menghubungi Ibu Pejabat MIDA di talian 03-22673633 atau layari [www.mida.gov.my](http://www.mida.gov.my).

Oleh MUHAMAD AMIRUL AFIQ MASTOR pengarang@utusan.com.my



**SEORANG penunggang motosikal melalui jalan yang rosak di Jalan Riong, Bangsar, Kuala Lumpur, baru-baru ini.**

KUALA LUMPUR 27 Nov. – Bosan, sakit hati dan kecewa antara perasaan yang bersarang dalam hati pengguna jalan raya di ibu negara apabila memikirkan masalah jalan rosak yang terpaksa dilalui setiap hari. Biarpun pendedahan demi pendedahan dibuat oleh Utusan Malaysia mengenai isu itu, namun ia bagaikan menyiram air ke daun keladi kerana tiada peningkatan ketara terhadap kualiti jalan raya seperti yang diharapkan pengguna. Laporan Khas Utusan Malaysia

bertajuk 'MRR2 Zon Perang?' pada Mac 2010, 'Kualiti Jalan di KL Kelas 3' (Ogos 2010), 'Sampai bila jalan berlubang?' (Ogos 2010) dan 'Teknologi jalan zaman British' (Oktober 2011) semuanya mempersoalkan keadaan jalan raya di ibu kota. Pelbagai usaha dibuat pihak berkuasa untuk memperbaiki keadaan jalan raya selepas laporan mengenainya disiarkan, namun entah di mana silapnya masalah itu kembali berlaku bagi tiada penghujung. Jalan berlubang, retak, mendap, beralun, tampilan tidak sempurna dan berpasir merupakan situasi yang terpaksa dihadapi pengguna jalan raya menyebabkan pemilik kenderaan pering kepada memikirkan kos tambahan untuk penyelenggaraan kenderaan. Kerap kali jalan raya yang baru diturap, dikorek semula untuk dipasang kabel atau saluran air dan selepas itu tidak ditampal dengan sempurna menyebabkan keadaan jalan kembali rosak dan tidak rata. Gambar-gambar yang dirakamkan oleh jurufoto Utusan Malaysia, MOHD. NAIM AZIZ di sekitar ibu negara adalah bukti tentang kesengsaraan yang terpaksa ditempuhi pengguna jalan raya untuk ke destinasi masing-masing. Di Jalan Raja Chulan berhampiran pusat beli-belah Pavilion, keadaan jalannya tidak mencerminkan prestij kawasan itu yang menjadi tumpuan perniagaan dan pelancong.



**JALAN raya yang telah lama mendap dan rosak sehingga kini belum lagi dibaik pulih berhampiran Kompleks Kementerian Dalam Negeri di Desa Sri Hartamas, Kuala Lumpur.**

Jalannya berlubang, berpasir serta tidak rata akibat turapan yang tidak berkualiti. Keadaan di Jalan Ampang pula lebih teruk apabila sepanjang laluan itu ada sahaja lubang serta tampilan yang tidak rata dengan ada yang berlubang kembali. Keadaan jalan yang berpasir tidak menghairankan dengan kehadiran lori mengangkut bahan itu yang keluar masuk ke kawasan pembinaan di kawasan tersebut. Seharusnya jalan-

jalan utama di pusat bandar raya ini perlu berkeadaan baik kerana ia mencerminkan imej negara. Jalan di kawasan-kawasan perumahan juga turut tidak terlepas daripada mengalami keadaan sama termasuk kawasan yang dianggap elit seperti Taman Tun Dr. Ismail dan persimpangan Mont Kiara ke Sri Hartamas. Jalan berlubang dan tidak dibaik pulih sejak sekian lama menyebabkan kualiti hidup penghuni terjejas. Jika jalan raya rosak berlaku di kawasan seperti itu, mungkin keadaan jalan di kawasan perumahan lain di pinggir kota lebih teruk lagi. Di Taman Cheras Perdana, lubang sedalam satu meter hanya ditutupi dengan kepingan besi seakan mengundang padah kepada pengguna yang melalui jalan tersebut. Biarpun ia telah ditanda dengan tali keselamatan, namun masih lagi berbahaya kepada pemandu serta penunggang motosikal terutama pada waktu malam dengan jarak penglihatan yang terhad.



**Seorang penunggang motosikal hampir terjatuh setelah mengelak kenderaannya daripada jalan raya yang berlubang dan berlopak di Jalan Utama, Kampung Lindungan, Kuala Lumpur.** Di sepanjang Jalan Kepong dan Jalan Kuchai Lama pula, senario jalan berlubang, retak dan tidak rata sudah menjadi pemandangan biasa.

Ia turut sama berlaku di susur keluar ke Jalan Lingkaran Tengah Dua (MRR2) ke Jalan Genting Klang dan juga di Jalan

Loke Yew. Persoalannya, bilakah semua ini akan berakhir? Pihak berkuasa tempatan dan kementerian yang bertanggungjawab perlu mempunyai pelan dan cara khusus memantau serta menangani masalah jalan rosak agar ia tidak berulang. Tidak sampai 10 tahun lagi Malaysia akan menjadi negara maju, namun di mana manisnya status itu apabila kualiti jalan raya masih lagi di tahap negara dunia ketiga.



**KEADAAN permukaan jalan yang hanya ditutup dengan sekeping besi di Taman Cheras Perdana, Kuala Lumpur.**



**30 November 2011 (Rabu)**  
**GLC disaran wujudkan skim pembangunan vendor muda**

KUALA LUMPUR 30 Nov. — Pergerakan Pemuda UMNO hari ini mencadangkan agar syarikat berkaitan kerajaan (GLC) melaksanakan skim pembangunan vendor muda bagi menyemarakkan penyertaan usahawan muda pelbagai bangsa yang berpotensi dan berkemampuan. Ketuanya, Khairy Jamaluddin berkata, skim pembangunan vendor itu akan membolehkan usahawan muda membina reputasi dan pengalaman mereka dalam perniagaan. Dalam ucapan dasarnya pada Perhimpunan Agung Pergerakan Pemuda UMNO 2011 di sini hari ini, Khairy mengulangi cadangan penubuhan bank khas untuk orang muda iaitu Bank Belia. Katanya, Bank Belia itu bukan untuk memberi pinjaman mudah yang akan menambah beban hutang, tetapi bagi menjana pendapatan seperti pinjaman modal pusingan serta modal memulakan perniagaan bagi usahawan muda. "Jika dilihat pada senario sekarang, kebanyakan anak muda kita begitu terdedah kepada kecenderungan atau keperluan untuk berhutang sama ada untuk menampung pelajaran, kad kredit, kereta dan sebagainya berbanding dengan pinjaman produktif bagi memulakan perniagaan atau mencipta peluang baru," katanya.



**30 November 2011 (Rabu)**  
**KLIA2: Kos naik, siap 2013, Oleh AINUL ASNIERA AHSAN bisnes.utusan@gmail.com**



**Terminal KLIA2 kini sudah 40 peratus disiapkan. — UTUSAN/DJOHAN SHAHRIN SHAH.**

SEPANG 29 Nov. — Kos pembinaan KLIA2 yang bakal menggantikan Terminal Lapangan Terbang Tambang Murah meningkat kepada RM3.9 bilion ekoran penambahbaikan yang dilakukan di terminal baharu itu. Berikutnya itu juga, KLIA2 dijadualkan beroperasi sepenuhnya pada April 2013, enam bulan lewat berbanding tarikh sebelumnya. Pengarah Urusan Malaysia Airports Holdings Bhd. (MAHB), Tan Sri Bashir Ahmad berkata, penambahbaikan dalam keluasan KLIA2 itu dibuat bagi membolehkan terminal itu menampung

penumpang sebanyak 45 juta berbanding anggaran awal 30 juta sebelum ini. Antara spesifikasi yang dinaik taraf ialah keluasan bangunan terminal daripada 150,000 meter persegi kepada 257,000 meter persegi, kawasan pesawat turut ditambah daripada 500,000 meter persegi kepada 803,709 meter persegi dan kerja-kerja tanah juga bertambah dengan membabitkan keluasan 11.19 juta meter persegi berbanding 4.85 juta meter persegi. Kawasan landasan dan taxiway ditingkatkan kepada 3.96 kilometer berbanding 2.50 kilometer, selain menara kawalan trafik udara juga dibina pada ketinggian 93 meter berbanding 77 meter. "Penambahan kemudahan ini bukan sahaja mengambil kira peningkatan jumlah penumpang pada masa depan, sebaliknya ia juga memberi kelebihan kepada Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur secara keseluruhannya. "Memandangkan skop spesifikasi KLIA2 telah ditingkatkan, sudah tentu mustahil untuk mengekalkan kos sebelum ini.

"Dan, kos sebanyak RM3.9 bilion untuk kemudahan dan spesifikasi yang dibuat setakat ini berbanding RM2 bilion sebelum ini," katanya pada sidang akhbar selepas lawatan dan taklimat media mengenai KLIA2 di sini hari ini. Menurutnya, KLIA2 dibina sebagai sebuah aset infrastruktur nasional untuk memenuhi keperluan syarikat-syarikat lapangan terbang, kerajaan, rakyat dan lapangan terbang. Beliau berkata, kos itu masih lagi rendah berbanding projek-projek terminal lapangan terbang yang sama. "Kos terakhir bergantung kepada cukai jualan yang diperoleh semula dan potensi simpanan daripada kontrak yang dianugerahkan," tambah beliau. Selain penambahbaikan itu, Bashir berkata, terdapat beberapa perubahan yang dilakukan atas kehendak AirAsia Bhd. (AirAsia) termasuk sistem pengurusan bagasi. Bashir berkata, sebelum ini, AirAsia mahukan pengendalian bagasi dilakukan secara manual meskipun idea itu ditolak oleh MAHB memandangkan KLIA2 bakal menguruskan lebih 10 juta penumpang. "Apabila bangunan sudah disiapkan akhirnya AirAsia membuat keputusan untuk menggunakan (pengendali bagasi) secara automatik sepenuhnya menyebabkan bangunan yang sudah tersedia terpaksa diruntuhkan," tambahnya. Ditanya bagaimanakah MAHB akan mendapat dana bagi menampung kenaikan kos KLIA2, Ketua Pegawai Kewangannya, Faizal Mansur berkata, syarikat itu mempunyai baki sebanyak RM600 juta daripada terbitan sukuk yang belum ditebus.